


KATALOG TERBITAN BUKU KUPU SB 2016



AQIDAH AHLI SUNNAH WALJAMA'AH: METODOLOGI, KEFAHAMAN DAN CABARAN

Penulis : Syamsul Bahri Andi Galigo
& Norarfan Zainal
ISBN : 978-99917-61-45-9
Harga : BND \$ 20.00

Buku ini memberi fokus kepada Aqidah Islam menurut Ahli Sunnah Waljama'ah yang sudah lama bertapak di rantau ini. Sejarah perkembangan Ahli Sunnah Waljama'ah dikaji bagi memperkenalkan hakikat sebenar golongan Ahli Sunnah Waljamā'ah. Seterusnya, metodologi pemikiran Ahli Sunnah Waljama'ah dikaji secara mendalam daripada tokoh ulama Ahli Sunnah Waljama'ah sepanjang zaman. Kefahaman Aqidah Ahli Sunnah Waljama'ah meliputi

konsep *Ilāhiyyāt*, *Nubuwwat*, dan *Sam'iyyāt* ulama salaf Ahli Sunnah Waljama'ah dianalisis mengikut pendekatan pemikiran tokoh ulama Ahli Sunnah Waljama'ah. Kajian ini juga menyentuh manhaj ulama *'ilmu kalām* daripada Ahli Sunnah Waljama'ah dalam mempertahankan ketulenan 'Aqidah Islam. Pelbagai cabaran pemikiran terkini yang boleh menjelaskan aqidah umat Islam yang berhaluan Ahli Sunnah Waljama'ah, terutama masyarakat Melayu Islam yang menghuni rantau ini, termasuk di Negara Brunei Darussalam turut dibincang. Metodologi kajian dalam penyelidikan ini ialah *al-manhaj al-wasfiy* (metod deskriptif), di samping kaedah *tahliliyyah wa tarkibiyah* (analisis & sintesis) dalam mengkaji pemikiran ulama dan tokoh Ahli Sunnah Waljama'ah. Analisis metodologi Aqidah Ahli Sunnah Waljama'ah pula jelas menggunakan *framework* pendekatan Imam Abu Hamid al-Ghazālī *Raḥimahullāh* sama ada dalam kritikannya terhadap falsafah ketuhanan (kitab *Tahafut al-Falasifah*) atau dalam bantahannya terhadap aliran Bātiniyyah (kitab *Fada'ih al-Bātiniyyah*). Antara dapatan kajian yang penting ialah aliran Ahli Sunnah Waljama'ah di rantau Melayu adalah mengikut dua madrasah yang terkenal iaitu madrasah Ash'ariyyah dan Māturidiyyah. Adapun cabaran yang dikenalpasti pada masa ini ialah pemikiran *Islaf* yang dikembangkan oleh Neo-Salifiyyah/Wahhabiyah, pemikiran Ahli al-Bayt Shi'ah (*Zaidiyyah & Ithna 'Ashariyyah*), pemikiran Neo-Mu'tazilah ala Rasionalisme Islam, pemikiran Neo-Khawārij, Islam liberal dan pluralisme agama.




APA YANG AWDA PERLU TAHU: ILMU KOMPUTER (SIRI 1) - RINGKAS TETAPI PRAKTIKAL

Penulis : Adam Jait
ISBN : 978-99917-61-56-5
Harga : **BND \$ 17.00**

Buku *Apa Yang Awda Perlu Tahu: Ilmu Komputer (Siri 1) – Ringkas Tetapi Praktikal* ini akan bersambung pada Siri 2 dengan tajuk yang sama tetapi kandungan yang berbeza. Kandungan setiap bab akan menampilkan pengetahuan asas ilmu komputer yang selalunya awda terlepas pandang tetapi amat berguna untuk awda ketahui dan praktikkan. Buku ini merupakan sebuah buku yang patut dimiliki bagi awda yang ingin mengetahui dan maju dalam era teknologi. Ianya memberi bimbingan kepada awda satu kemahiran yang praktikal yang boleh diikuti

langkah demi langkah dengan mudah dan ringkas. Setiap penerangan yang diberikan akan disertakan dengan gambar-gambar yang berkaitan bagi menambahkan kefahaman awda. Perisian-perisian ‘software’ yang dipelajari pada kebiasaannya bila awda membeli komputer telah ada disediakan di dalamnya. Atau jika awda tidak pasti tentang perisian tersebut, awda bolehlah melihat senarai nama perisian di halaman rujukan pada buku ini. Jika ada apa-apa pertanyaan, komen dan pandangan anda tentang buku ini bolehlah menghubungi terus kepada penerbit atau penulis. Semoga buku ini memberi banyak manfaat kepada awda. Terima kasih dan semoga maju jaya dalam era teknologi.




علوم الحديث

Penulis : Ariffin Omar

ISBN : 978-99917-61-48-0

Harga : BND \$ 19.00




PROGRAM MOBILITI PRAKTIK MENGAJAR KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN BERSAMA UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS TANJONG MALIM, PERAK: SATU PENGALAMAN'

Penyunting : Zulkifli Haji Zakaria
ISBN : 978-99917-61-49-7
Harga : BND \$ 26.00

Buku '*PROGRAM MOBILITI PRAKTIK MENGAJAR KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN BERSAMA UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS TANJONG MALIM, PERAK: SATU PENGALAMAN*' membantu bakal guru dan guru-guru yang sedang berkhidmat untuk melengkapkan diri dengan pengetahuan mengajar dan membantu mereka menghadapi dan menyelesaikan sebarang

masalah yang berhubungkait dengan ilmu mengajar. Buku ini merupakan pengalaman implementasi praktik mengajar pertama Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) bersama Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI), Malaysia.



GAYA PEMBELAJARAN

Penyelenggara : Azizi Yahaya & Suraya Tarasat
ISBN : 978-99917-61-55-8
Harga : BND \$ 30.00

Buku *Gaya Pembelajaran* ini menekankan aspek penyelidikan dalam gaya pembelajaran. Gaya pembelajaran ialah cara mempelajari sesuatu mengikut kecenderungan individu. Setiap individu mempunyai gaya pembelajaran yang tersendiri dan juga bakat dan potensi yang berbeza di dalam proses pembelajaran. Malangnya, pelajar hari ini menghadapi masalah dalam pembelajaran. Ini kerana, pelajar tidak mempunyai pengetahuan dari segi teknik, strategi, cara, kaedah dan gaya belajar. Gaya pembelajaran yang diamalkan oleh setiap pelajar adalah tidak sama antara satu dengan yang lain.

Ini kerana tahap penerimaan dan kecerdasan mereka adalah berbeza. Misalnya ada yang suka belajar dengan diri sendiri, ada yang suka belajar dengan rakan karib atau secara berkumpulan, ada yang suka belajar melalui syarahan atau perbincangan, ada yang suka belajar melalui pemerhatian, kajian atau rujukan bahan dan pelbagai gaya belajar beraneka ragam yang lain. Gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar akan mempengaruhi pencapaian akademik mereka.



**JURNAL KEFAHAMAN AHLI SUNNAH
WALJAMA'AH BILANGAN 5**
(Jurnal Berwasit Antarabangsa)

Penulis : Pelbagai Penulis
ISSN : 2225-4609
Harga : **BND \$ 30.00**


Buku ini menghimpunkan 10 artikel yang membincangkan mengenai isu-isu Kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah.



**JURNAL KEFAHAMAN AHLI SUNNAH
WALJAMA'AH BILANGAN 5**
(Jurnal Berwasit Antarabangsa)

Penulis : Pelbagai Penulis
ISSN : 2225-4609
Harga : **BND \$ 29.00**

Buku ini menghimpunkan 10 artikel yang membincangkan mengenai isu-isu Kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah.



أنماط القيادة التربوية وعلاقتها بالمناخ التنظيمي

Siri Monograf Pendidikan Islam Bilangan 10


شمس البحر أندى غالينغو & أبو عجيلة حاجي حنيش

ISBN : 978-99917-61-54-1

Harga : BND \$ 11.00

الدراسة تقوم ببحث دور القيادة التربوية في قيام العاملين في المؤسسات التعليمية بواجباتهم من أجل تحقيق أهداف العملية التربوية، إذ أن للقيادة التربوية مفاهيمها وثقافتها التي تميزها ولها معاييرها الخاصة بالنجاح، كما أن لها قانونها الأخلاقي للسلوك. فالقيادة التربوية في ثقافتها جماعية التوجه، تؤكد على العمليات الجماعية في كل ممارساتها، فالدور الفعال للقيادة التربوية يتمحور حول التفاعل المتميز بين مختلف مدخلات النظام التربوي بما فيها المعلمين والطلبة والمناهج والبيئة المادية لتحقيق مخرجات تربوية منسجمة مع أهداف النظام التربوي وفلسفته. وللقيادة التربوية أهمية بالغة في كونها تربط ما بين الأفراد والمصادر المتوفرة في المؤسسة معا لتحقيق وإنجاز أشياء قد يكون من المستحيل تحقيقها بدون هذا النوع من الارتباط. وتبرز أهمية القيادة في تأثيرها في السلوك الإنساني بشكل عام وفي السلوك الإداري بشكل خاص، فالقائد القائم على الشورى علي سبيل المثال يخلق جوا إنسانيا في العمل حيث يتتيح الفرصة للمرؤوسين للإسهام في الكثير من العمليات الإدارية مما يعكس بسهولة قيمهم وابتهاجاتهم نحو العمل ونحو قائهم وهذا يساعد القائد على فهم العاملين معه وحسن قيادتهم. وحيث أن المرؤوسين يحتاجون إلى قيادة تهتم بالقيم الإسلامية وتحترم المواهب الفردية المتميزة وتعمل على إيجاد مناخ وبيئة عمل تساعده على التميز والإبداع وتحمل المحاطرة، وتفويض السلطة، فإن القادة بدورهم بحاجة إلى مرؤوسين يتحمسون لتحمل المسؤولية وال nowrap النضج والتطلع إلى تحقيق

الأفضل وليس إلى مرؤوسين ينفذون الأوامر فقط. وهنا تتصحّح أهمية القيادة القائم على القيم الإسلامية على اعتبارها عملية تفاعل وتعاون وتفهم بين القائد ومرؤوسيه.



PENCAPAIAN PENILAIAN KEMAHIRAN DALAM PENGAJARAN MIKRO

Siri Monograf Pendidikan Islam Bilangan 11


Penulis : Zukifli Zakaria

ISBN : 978-99917-61-53-4

Harga : BND \$ 16.00

Perkembangan Pendidikan yang semakin mencabar telah banyak memberikan impak dan kesan dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah lebih-lebih lagi dalam kalangan guru-guru pelatih yang terdiri daripada pelajar Universiti yang belum ada asas pendidikan perguruan dan pengalaman dalam mengajar murid-murid di sekolah. Monograf ini membincangkan mengenai pengajaran Mikro atau *micro teaching* iaitu satu

cara latihan yang dapat membina kemahiran guru. Selain itu, dalam monograf ini dijelaskan mengenai persepsi pelajar-pelajar program Diploma Perguruan Ugama Lepasan Ijazah Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan Negara Brunei Darussalam sesi pengajian 2013/2014 tentang kepentingan pengajaran mikro dan kemahiran-kemahiran mengajar mereka dalam sesi pengajaran mikro. Instrumen kajian ialah melalui borang kaji selidik ke atas 34 orang pelajar Diploma Perguruan Ugama Lepasan Ijazah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengajaran mikro adalah bentuk kursus latihan yang sangat membimbing para pelajar dan pencapaian mereka dalam berbagai kemahiran adalah pada tahap yang sangat baik dengan skor min tertinggi ialah pada kemahiran penggunaan ABM (skor min 4.12), kemahiran set Induksi (skor min 3.97), kemahiran kaedah pengajaran (skor min 3.94) dan kemahiran penutup pengajaran (skor min 3.94).



PRINSIP DAN NILAI AQIDAH AHLI SUNNAH WALJAMA'AH

Siri Panduan Kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah
3

Penulis : Pusat Pengkajian Kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah
ISBN : 978-99917-61-51-0
Harga : BND \$ 9.00

orang ramai memahami prinsip dan nilai yang asas daripada kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah.

Siri Panduan ini membincangkan secara mudah prinsip dan nilai yang asas dalam kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah. Di samping itu, Siri Panduan ini juga mengemukakan dasar aqidah Islam yang perlu difahami oleh masyarakat khasnya umat Islam di Negara Brunei Darussalam. Semoga penerbitan Siri Panduan ringkas ini memudahkan



PANDANGAN SYEIKH YŪSUF AL-QARDĀWĪ TENTANG PUAK SYIAH

Siri Panduan Kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah
4

Penulis : Pusat Pengkajian Kefahaman Ahli Sunnah Waljama'ah
ISBN : 978-99917-61-52-7
Harga : BND \$ 12.00

Siri Panduan ini merupakan terjemahan tentang fatwa Syiah daripada kitab *Fatāwāal-Muṣāḥirah*. Fatwa yang dikemukakan memberi penerangan tentang Syiah Imāmiyah yang terdapat di negara Iran dan negara yang berjiran dengannya. Semoga dengan memahami kandungan Siri Panduan ini, umat Islam yang berhaluan Ahli Sunnah

Waljama'ah dapat menjauhkan diri daripada pelbagai tipu helah puak ini yang mula menular di rantau nusantara kita sejak kebelakangan ini.